






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEEMPAT (Q4 2020)

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam [AMBD] telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index [RPPI] Negara Brunei Darussalam bagi suku keempat 2020 [Q4 2020]. Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan [ABCi].
2. Pada Q4 2020, RPPI menunjukkan penurunan sebanyak 4.9% tahun-ke-tahun kepada 90.6 berbanding dengan Q4 2019, dan penurunan sebanyak 1.2% berbanding dengan suku sebelumnya [Q3 2020].

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan [%]	
		Dari Q4 2019	Dari Q3 2020
Q4 2020	90.6	-4.9%	-1.2%





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian harta tanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 131 transaksi pembelian harta tanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q4 2020 berbanding dengan 182 transaksi pada Q3 2020. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* [53.4%]; diikuti dengan rumah berkembar atau *semi-detached* [19.9%]; rumah teres [18.3%]; pangaspuri [3.8%]; dan tanah [4.6%].

4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis harta tanah kediaman persendirian pada tempoh Q4 2020 adalah BND245,000. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 5.0% berbanding dengan Q4 2019, dan peningkatan sebanyak 2.1% berbanding dengan Q3 2020. Harga median bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND289,000; bagi rumah berkembar atau

semi-detached adalah BND250,000; bagi rumah teres adalah BND202,500; bagi pangsapuri adalah BND210,000; dan bagi tanah adalah BND75,000.

5. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana harta tanah kerana harga harta tanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antara lainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web AMBD www.ambd.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram AMBD @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Rujukan: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 15 Sya'aban 1442H/ 29 Mac 2021M